KESALAHAN BAHASA

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan bahasa (penggunaan ejaan/ imbuhan /kesalahan penggunaan kata/ istilah). Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu.

1. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas kesudian tuan merasmikan kempen Cintai Sungai Kita peringkat daerah ini.

   berbanyak - .....

2. Kelawar-kelawar yang bergayutan di dinding Gua Niah menarik perhatian pelancong.

   Kelawar-kelawar - .....

3. Wakil rakyat di kawasan pedalaman itu telah mensyorkan pembinaan sebuah stesen jana kuasa kecil di situ.

   mensyorkan - .....

4. Penggunaan e-mail memberikan kemudahan untuk seseorang menyampaikan mesej dalam beberapa saat sahaja.

   e-mail - .....

5. Kempen anti-dadah peringkat kebangsaan yang dilancarkan oleh kerajaan mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat.

   anti-dadah - .....

6. Zamri telah mengupah juru ukur tanah untuk mengukur keluasan tanah kebun miliknya.

   juru ukur - .....

7. Stesen minyak-stesen minyak di bandar-bandar utama negara kita mengamalkan konsep layan diri.

   Stesen minyak-stesen minyak - .....

8. Pembabitan golongan wanita di dalam pelbagai bidang kerjaya telah mengangkat martabat mereka.

   di dalam - .....

9. Penduduk kampung itu akan bergotong-royong apabila tiba musim membajak padi.

   membajak - .....

10. Hasrat Amin untuk menyertai ekspedisi mendaki Gunung Kinabalu terpaksa dimansuhkan kerana belum mendapat keizinan daripada kedua-dua ibu bapanya.

    dimansuhkan - .....

LIVEWORKSHEETS